



24 JUN, 2025

Teroka teknologi baharu, tawar insentif menarik galak rakyat guna tenaga secara cekap

Berita Harian, Malaysia



Minda Pengarang



Teroka teknologi baharu, tawar insentif menarik galak rakyat guna tenaga secara cekap

Dalam era ketidaktentuan ekonomi dan cabaran perubahan iklim global, langkah kerajaan memperkenalkan insentif baharu kepada pengguna domestik dan bukan domestik voltan rendah adalah satu tindakan yang bukan sahaja wajar, malah amat tepat pada masanya.

Langkah Suruhanjaya Tenaga (ST) memperkenalkan Insentif Cekap Tenaga kepada pengguna domestik dan bukan domestik voltan rendah adalah satu pendekatan tepat dalam mendidik rakyat mengenai pentingnya penggunaan elektrik secara berhemah.

Menerusi inisiatif ini, 23.6 juta pengguna domestik menggunakan 1,000 kilowatt jam (kWJ) dan ke bawah setiap bulan tidak akan terkesan dengan pelaksanaan tarif baharu yang akan bermula 1 Julai ini.

Pengguna bukan domestik voltan rendah seperti premis perniagaan kecil menggunakan bekalan elektrik 200 kWJ ke bawah turut menerima manfaat sama. Insentif ini bukan sahaja meringankan beban kos sara hidup dan operasi, malah memberi ganjaran kepada pengguna berjimat cermat. Selain itu, skim Masa Penggunaan (TOU) yang turut diselenggarakan, dengan tempoh luar puncak diperluas kepada seluruh Sabtu, Ahad serta 10 malam hingga 2 petang pada hari bekerja juga satu pelan wajar. Ini membolehkan pengguna merancang waktu penggunaan elektrik pada kadar tarif lebih rendah, satu langkah bijak ke arah pengurusan tenaga cekap.

Namun, untuk benar-benar mencapai matlamat tenaga lestari, galakan kepada penggunaan tenaga cekap sahaja tidak mencukupi. Malaysia perlu bergerak ke arah penajaan tenaga boleh diperbaharui di peringkat isi rumah dan komuniti. Rakyat harus digalakkan untuk melabur dalam pemasangan panel solar di kediaman masing-masing. Dalam hal ini, kerajaan dan pihak berkaitan wajar menyediakan insentif kewangan lebih menarik, rebat cukai dan skim pembiayaan mudah bagi memperluaskan akses kepada teknologi tenaga bersih ini.

Dalam jangka masa panjang, model tenaga teragih, iaitu pengguna juga menjadi penjana tenaga, akan membantu mengurangkan kebergantungan kepada penajaan konvensional yang tinggi karbon. Ini juga membuka peluang kepada rakyat menjana pendapatan melalui mekanisme bekalan balik.

Pada masa sama, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagai syarikat utiliti utama negara perlu proaktif dalam meneroka sumber tenaga alternatif seperti solar berskala besar, hidro mini, angin dan penyimpanan tenaga.

Malaysia mempunyai beberapa kawasan strategik untuk menjayakan projek tenaga angin, terutama di pantai timur Semenanjung dan Pulau Pinang. Tenaga angin menerusi teknologi turbin adalah sebahagian daripada beberapa jenis tenaga boleh diperbaharui, berpotensi menyumbang bekalan elektrik negara pada masa hadapan.

Sementara itu, pelaburan dalam teknologi grid pintar juga penting bagi memastikan sistem tenaga negara lebih fleksibel dan tahan lasak. Insentif Cekap Tenaga adalah permulaan yang baik, namun negara tetap memerlukan transformasi tenaga menyeluruh berasaskan kerjasama pintar antara kerajaan, industri dan rakyat.

Masa depan tenaga Malaysia terletak pada kecekapan hari ini dan keberanian untuk melabur dalam tenaga bersih masa depan.